



## **KERAJAAN MALAYSIA**

---

### **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2005**

---

#### **PELAKSANAAN INTEGRASI MODUL KENEGARAAN DALAM KURSUS INDUKSI**

#### **TUJUAN**

1. Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk menjelaskan pelaksanaan integrasi Modul Kenegaraan dalam Kursus Induksi.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2005, bagi maksud memenuhi syarat lulus Penilaian Tahap Kecekapan 1 (TK1) di bawah Sistem Saraan Malaysia, Kursus Kenegaraan adalah elemen yang diintegrasikan sebagai modul dalam Kursus Induksi Umum atau Kursus Pra-perkhidmatan yang perlu dihadiri oleh pegawai lantikan pertama dalam perkhidmatan.
3. Modul Kenegaraan ini bertujuan untuk meningkatkan ketahanan diri dari segi mental dan fizikal bagi melahirkan pegawai awam yang patriotik, berdisiplin dan berkeperibadian mulia.

## **PEGAWAI YANG DISYARATKAN MENGIKUTI KURSUS/MODUL KENEGARAAN**

4. Pegawai yang disyaratkan mengikuti Kursus/Modul Kenegaraan adalah:
- (a) pegawai lantikan pertama dalam perkhidmatan awam yang belum disahkan perkhidmatannya; atau
  - (b) pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan tetapi tempoh perkhidmatannya adalah kurang daripada tiga (3) tahun pada 1 Januari 2005 dan belum mengikuti Kursus Kenegaraan.

## **KAEDAH PELAKSANAAN**

### **Struktur Pelaksanaan**

5. Integrasi Modul Kenegaraan dalam Kursus Induksi boleh dilaksanakan secara berturutan seperti berikut:
- (a) Modul Kenegaraan - Induksi Umum - Induksi Khusus; atau
  - (b) Modul Induksi Khusus - Induksi Umum - Modul Kenegaraan; atau
  - (c) Modul Induksi Umum - Modul Kenegaraan - Induksi Khusus.

### **Tempoh Kursus**

6. Tempoh Kursus Induksi bagi Modul Induksi Umum setelah diintegrasikan dengan Modul Kenegaraan untuk setiap kumpulan pegawai adalah seperti berikut:

| <b>Kumpulan</b> | <b>Tempoh</b>       |                         | <b>Jumlah</b> |
|-----------------|---------------------|-------------------------|---------------|
|                 | <b>Induksi Umum</b> | <b>Modul Kenegaraan</b> |               |
| Kumpulan I      | 11 hari             | 5 hari                  | 16 hari       |
| Kumpulan II     | 7 hari              | 5 hari                  | 12 hari       |
| Kumpulan III    | 4 hari              | 5 hari                  | 9 hari        |

## **Kurikulum Modul Kenegaraan dan Induksi**

7. Kurikulum Modul Kenegaraan yang telah diintegrasikan dengan Kursus Induksi Modul Umum mengikut kumpulan adalah seperti berikut:

### **Modul Kenegaraan**

- (a) Sejarah Kebangkitan Negara
- (b) Kesetiaan Kepada Raja, Kerajaan dan Negara
- (c) Pengurusan Integriti
- (d) Motivasi Diri dan Kumpulan
- (e) Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
- (f) Isu dan Ehwal Semasa

### **Modul Induksi**

- (a) Dasar Pembangunan Negara dan Wawasan 2020
- (b) Perintah Am, Arahan Perkhidmatan dan Arahan Keselamatan
- (c) Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan
- (d) Pengurusan Sumber dan Organisasi
- (e) Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan
- (f) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam

Contoh Jadual Kursus Induksi Modul Umum yang telah diintegrasikan dengan Modul Kenegaraan mengikut kumpulan adalah seperti di **Lampiran A, B dan C**.

### **Agensi Pelaksana**

8. Kursus Induksi Modul Umum dilaksanakan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) atau Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan berkenaan secara sepenuh masa. Pelaksanaan Modul Kenegaraan dikendalikan oleh Biro Tatanegara (BTN).

## **Panel Penilaian Modul Kenegaraan**

9. Untuk menilai pencapaian setiap peserta kursus dalam aspek yang ditentukan, BTN atau penganjur kursus dikehendaki menubuhkan Panel Penilaian Modul Kenegaraan. Keahlian panel ini adalah seperti berikut:

- (a) Pengerusi : Ketua Pengarah BTN
- (b) Ahli :
  - Penyelaras Kursus
  - Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam
  - Wakil daripada jabatan yang menganjurkan kursus
- (c) Urus setia : BTN

10. Korum Panel Penilaian hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) orang termasuk Pengerusi.

11. Bidang kuasa Panel Penilaian Modul Kenegaraan adalah untuk menetapkan keputusan pencapaian peserta termasuk kes kegagalan menamatkan modul dan pelanggaran tata tertib semasa berkursus.

## **Soalan Ujian dan Pengurusan Modul**

12. Tenaga pengajar, penyediaan soalan ujian dan pemeriksaan kertas jawapan ujian akhir bagi Modul Kenegaraan serta sebarang urusan yang melibatkan pengurusan Modul Kenegaraan akan dikendalikan oleh BTN.

## **Pengeluaran Sijil**

13. Sijil Modul Kenegaraan dikeluarkan oleh BTN dan hendaklah direkodkan dalam Kenyataan Perkhidmatan pegawai.

## **PERMOHONAN UNTUK MENGIKUTI MODUL KENEGARAAN**

14. Permohonan untuk mengikuti Modul Kenegaraan dalam Kursus Induksi hendaklah dikemukakan melalui Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing.

## **PERTANYAAN PELAKSANAAN MODUL KENEGARAAN**

15. Pertanyaan mengenai pelaksanaan Modul Kenegaraan boleh dikemukakan kepada BTN ke alamat berikut:

Ketua Pengarah  
Biro Tatanegara  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 1, Blok B3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 PUTRAJAYA

Tel: 03-88887737/7736/7676/7694

## **TARIKH KUATKUASA**

16. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 2005.

## **TANGGUNG JAWAB KETUA JABATAN**

17. Semua Kementerian/Jabatan/Kerajaan Negeri/Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan yang melaksanakan Kursus Induksi Modul Umum diminta untuk mengambil tindakan sewajarnya mengenai perkara ini.


## **PEMAKAIAN**

18. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah diguna pakai bersekali dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2003 mengenai pelaksanaan Kursus Kenegaraan di bawah PTK dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1992 mengenai pelaksanaan Kursus Induksi.

19. Selaras dengan pelaksanaan Modul Kenegaraan dalam Kursus Induksi Modul Umum ini, pindaan sewajarnya dari aspek tempoh dan jadual Kursus Induksi hendaklah dibuat.

20. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan keseluruhannya kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
PUTRAJAYA  
10 Jun 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

CONTOH JADUAL INTEGRASI KURSUS INDUKSI UMUM DAN MODUL KENEGARAAN - KUMPULAN 1

| MASA /HARI | 8.30 - 10.30 PAGI                           | 11.00 - 1.00 TGH                   | 2.30 - 4.30 PTG                             | 8.30 - 10.30 MLM                         |
|------------|---|------------------------------------|---|--|
| 1          | Pendaftaran & taklimat kursus               | Pembangunan Kumpulan               | Pembangunan Kumpulan                        | Pembangunan Kumpulan                     |
| 2          | Teknik Pengucapan Awam                      | Nilai & Etika                      | Pengurusan Integriti                        | Perbincangan Kumpulan                    |
| 3          | Pengurusan Integriti                        | Pengurusan Integriti               | Dasar Kerajaan                              | Perbincangan Kumpulan                    |
| 4          | Dasar Kerajaan                              | Dasar Kerajaan                     | Perintah Am/Peraturan Pegawai Awam          | Perbincangan Kumpulan                    |
| 5          | Perintah Am/Peraturan Pegawai Awam          | Perintah Am/Peraturan Pegawai Awam | Arahan Perkhidmatan                         | Perbincangan Kumpulan                    |
| 6          | Arahan Perkhidmatan                         | Arahan Keselamatan                 | Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) | Perbincangan Kumpulan                    |
| 7          | Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) | Pengurusan Organisasi              | Kepimpinan                                  | Perbincangan Kumpulan                    |
| 8          | Kaunseling                                  | Komunikasi                         | Motivasi                                    | Perbincangan Kumpulan                    |
| 9          | Pengenalan kepada Pengurusan Kewangan       | Sistem Perakaunan Negara           | Belanjawan                                  | Perbincangan Kumpulan                    |
| 10         | Pembelian dan Perolehan Harta Awam          | Pembelian dan Perolehan Harta Awam | <b><i>Ceramah Kenegaraan: Tanah Air</i></b> | <b><i>Ceramah Kenegaraan: Rakyat</i></b> |

| <b>MASA /HARI</b> | <b>8.30 - 10.30 PAGI</b>                        | <b>11.00 - 1.00 TGH</b>                   | <b>2.30 - 4.30 PTG</b>                    | <b>8.30 - 10.30 MLM</b>                   |
|-------------------|---|---|---|---|
| 11                | <i>Ceramah Kenegaraan : Kerajaan</i>            | <i>Ceramah Kenegaraan : Kedaulatan</i>    | Perbincangan Kumpulan                     | Perbincangan Kumpulan                     |
| 12                | Persediaan Peperiksaan                          | Persediaan Peperiksaan                    | Persediaan Peperiksaan                    | Persediaan Peperiksaan                    |
| 13                | Peperiksaan Akhir & Penilaian Kursus Modul Umum |   |   |   |
| 14                | <i>Taklimat BTN</i>                             | <i>Motivasi Diri dan Kumpulan (LDK 1)</i> | <i>Motivasi Diri dan Kumpulan (LDK 2)</i> | <i>Motivasi Diri dan Kumpulan (LDK 3)</i> |
| 15                | <i>Motivasi Diri dan Kumpulan (LDK 4)</i>       | <i>Motivasi Diri dan Kumpulan (LDK 5)</i> | <i>Motivasi Diri dan Kumpulan (LDK 6)</i> | <i>Motivasi Diri dan Kumpulan (LDK 7)</i> |
| 16                | <i>Motivasi Diri dan Kumpulan (LDK 8)</i>       | <i>Kembara</i>                            | <i>Ujian Akhir Modul Kenegaraan</i>       |   |



## CONTOH JADUAL INTEGRASI KURSUS INDUKSI UMUM DAN MODUL KENEGARAAN - KUMPULAN 2

| MASA /HARI | 8.30 - 10.30 PAGI                                    | 11.00 - 1.00 TGH   | 2.30 – 4.30 PTG                                      | 8.30-10.30 MLM                                       |
|------------|--|--|--|--|
| 1          | Pendaftaran & taklimat kursus                        | Pembangunan Kumpulan   | Pembangunan Kumpulan                                 | Pembangunan Kumpulan                                 |
| 2          | Teknik Pengucapan Awam                               | Nilai & Etika  | Pengurusan Integriti                                 | Perbincangan Kumpulan                                |
| 3          | Pengurusan Integriti                                 | Aspek Pentadbiran Pejabat & Cara Meningkatkan Mutu Perkhidmatan Awam | Dasar Kerajaan                                       | Perbincangan Kumpulan                                |
| 4          | Dasar Kerajaan                                       | Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA)                          | Perintah Am/Peraturan Pegawai Awam                   | Perbincangan Kumpulan                                |
| 5          | Perintah Am/Peraturan Pegawai Awam                   | Perintah Am/Peraturan Pegawai Awam                                   | Arahan Perkhidmatan                                  | Perbincangan Kumpulan                                |
| 6          | Arahan Keselamatan                                   | Pengenalan kpd Pengurusan Kewangan                                   | Sistem penerimaan                                    | Perbincangan Kumpulan                                |
| 7          | Sistem bayaran                                       | Pembelian & perolehan harta awam                                     | <b><i>Ceramah Kenegaraan:<br/>Tanah Air</i></b>      | <b><i>Ceramah Kenegaraan:<br/>Rakyat</i></b>         |
| 8          | <b><i>Ceramah Kenegaraan:<br/>Kerajaan</i></b>       | <b><i>Ceramah Kenegaraan:<br/>Kedaulatan</i></b>                     | Perbincangan Kumpulan                                | Perbincangan Kumpulan                                |
| 9          | Tugasan individu                                     | Penilaian kursus   |  |  |
| 10         | <b><i>Taklimat BTN</i></b>                           | <b><i>Motivasi Diri dan Kumpulan<br/>(LDK 1)</i></b>                 | <b><i>Motivasi Diri dan Kumpulan<br/>(LDK 2)</i></b> | <b><i>Motivasi Diri dan Kumpulan<br/>(LDK 3)</i></b> |
| 11         | <b><i>Motivasi Diri dan Kumpulan<br/>(LDK 4)</i></b> | <b><i>Motivasi Diri dan Kumpulan<br/>(LDK 5)</i></b>                 | <b><i>Motivasi Diri dan Kumpulan<br/>(LDK 6)</i></b> | <b><i>Motivasi Diri dan Kumpulan<br/>(LDK 7)</i></b> |
| 12         | <b><i>Motivasi Diri dan Kumpulan<br/>(LDK 8)</i></b> | <b><i>Kembara</i></b>  | <b><i>Ujian Akhir Modul<br/>Kenegaraan</i></b>       |  |

## CONTOH JADUAL INTEGRASI KURSUS INDUKSI UMUM DAN MODUL KENEGARAAN - KUMPULAN 3

| MASA /HARI | 8.30 - 10.30 PAGI                                | 11.00 - 1.00 TGH                                 | 2.30 - 4.30 PTG                                  | 8.30 - 10.30 MLM                                 |
|------------|--|--|--|--|
| 1          | Pendaftaran & taklimat kursus                    | Pembangunan Diri & Kumpulan                      | Pembangunan Diri & Kumpulan                      | Pembangunan Diri & Kumpulan                      |
| 2          | Teknik Pengucapan Awam                           | Nilai & Etika                                    | Pengurusan Integriti                             | Perbincangan Kumpulan                            |
| 3          | Arahan Perkhidmatan / Keselamatan                | Perintah Am/Peraturan Pegawai Awam               | Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib)   | Perbincangan Kumpulan                            |
| 4          | Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib)   | <b><i>Ceramah Kenegaraan: Tanah Air</i></b>      | <b><i>Ceramah Kenegaraan: Rakyat</i></b>         | Perbincangan Kumpulan                            |
| 5          | <b><i>Ceramah Kenegaraan: Kerajaan</i></b>       | <b><i>Ceramah Kenegaraan: Kedaulatan</i></b>     | Persediaan Penilaian                             | Perbincangan kumpulan                            |
| 6          | Penilaian Lisan                                  | Penilaian Lisan                                  |  |  |
| 7          | <b><i>Taklimat BTN</i></b>                       | <b><i>Motivasi Diri dan Kumpulan (LDK 1)</i></b> | <b><i>Motivasi Diri dan Kumpulan (LDK 2)</i></b> | <b><i>Motivasi Diri dan Kumpulan (LDK 3)</i></b> |
| 8          | <b><i>Motivasi Diri dan Kumpulan (LDK 4)</i></b> | <b><i>Motivasi Diri dan Kumpulan (LDK 5)</i></b> | <b><i>Motivasi Diri dan Kumpulan (LDK 6)</i></b> | <b><i>Motivasi Diri dan Kumpulan (LDK 7)</i></b> |
| 9          | <b><i>Motivasi Diri dan Kumpulan (LDK 8)</i></b> | <b><i>Kembara</i></b>                            | <b><i>Ujian Akhir Modul Kenegaraan</i></b>       |  |